



ALIH KOD MELAYU-ARAB DALAM DRAMA *WARKAH CINTA*

Oleh

NURUL NADHIRAH BINTI SENAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, bagi memenuhi
keperluan Ijazah Master Sastera**

November 2019

FBMK 2019 59

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

ALIH KOD MELAYU-ARAB DALAM DRAMA 'WARKAH CINTA'

Oleh

NURUL NADHIRAH BINTI SENAN

November 2019

Pengerusi : Professor Mohd Azidan bin Abdul Jabar, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan berbilang bangsa yang melahirkan pelbagai keunikan budaya, kepercayaan dan bahasa. Hampir kesemua negara yang mempunyai penduduk yang berbilang bangsa dan kaum akan mengalami fenomena alih kod. Fenomena ini mempengaruhi kewujudan alih kod dalam komunikasi masyarakat yang merupakan sebahagian daripada ciri multilingual rakyat Malaysia. Kajian ilmiah ini dijalankan untuk mengenal pasti fenomena alih kod Melayu-Arab dalam drama 'Warkah Cinta' pada tahun 2012, saluran TV Al-Hijrah. Kajian ini meneliti jenis alih kod dan fungsi alih kod melalui drama 'Warkah Cinta'. Di samping itu, kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis teks dalam mengaplikasikan pendekatan Teori Poplack (1980) bagi mencapai objektif utama iaitu mengkaji jenis-jenis alih kod. Selain itu, pengkaji juga menggunakan teori Gumprez (1982) dalam menganalisis fungsi-fungsi alih kod dalam drama tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa alih kod terbahagi kepada dua jenis sahaja menerusi drama ini iaitu inter-ayat dan intra ayat. Terdapat 6 dialog yang mengandungi alih kod jenis inter-ayat dan 26 dialog alih kod jenis intra-ayat ditemui dalam kajian ini. Di samping itu, pengkaji juga mendapati bahawa daripada enam fungsi yang disenaraikan oleh Gumprez (1982), hanya lima fungsi alih kod sahaja yang terlibat antaranya adalah pemetikan kata-kata, spesifikasi, interjeksi, pengulangan dan kata ganti nama diri.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the Masters's of Arts

CODE SWITCHING MALAY-ARABIC IN DRAMA 'WARKAH CINTA'

By

NURUL NADHIRAH BINTI SENAN

November 2019

Chair : Professor Mohd Azidan bin Abdul Jabar, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Malaysia is a multiracial nation that creates a variety of cultures, beliefs and languages. Almost all countries with multilingual and racial populations will experience a phenomenon of code switching. This phenomenon of code switching affects the existence in communication of the multilingual speaker in Malaysia. This scientific study was conducted to identify the code switching of Malay-Arabic in the 'Warkah Cinta' in 2012, the Al-Hijrah TV channel. This study examines the type of code switching and its function through the drama 'Warkah Cinta'. In addition, this study was qualitative using the text analysis method in applying the Poplack's theory (1980) to studying the types of code switches which is the main objective in this research. In addition, researchers also used the theory of Gumprez (1982) in analyzing the function of code-switching through this drama. The findings show that code switching is divided into two types, inter-sentential and intra-sentential. There were 6 dialogue inter-sentential type and 26 dialogue intra-sentential. type was found in this study. In addition, the researchers also found that only five functions form six listed by Gumprez (1982) were involved such as quotations, specifications, interjection, reiteration and pronouns.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Azidan bin Abdul Jabar, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH BINTI MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Ogos 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik.: Nurul Nadhirah binti Senan

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	lii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Limitasi Kajian	6
1.8 Definisi Operasional	7
1.9 Kesimpulan	7
2 SOROTAN LITERATUR	8
2.1 Pengenalan	8
2.2 Konsep Alih Kod dan Campur kod	8
2.2.1 Jenis Alih Kod	10
2.2.2 Faktor Alih kod	11
2.2.3 Fungsi Alih kod	11
2.3 Kajian Jenis Alih Kod	12
2.3.1 Alih Kod Vs Bahasa Rojak	14
2.3.2 Alih Kod Vs Kata Pinjaman	15
2.4 Kajian Teori	16
2.5 Jurang Kajian	17
2.6 Kesimpulan	18
3 METODOLOGI KAJIAN	19
3.1 Pengenalan	19
3.2 Reka Bentuk Kajian	19
3.3 Kaedah Kajian	19
3.3.1 Analisis Kandungan	20
3.4 Bahan Kajian	20
3.5 Prosedur Kajian	21
3.6 Kerangka Konseptual	23
3.7 Teori Alih Kod	24
3.7.1 Teori Poplack (1980)	24
3.7.2 Teori Gumprez (1982)	27
3.8 Kesimpulan	30

4	ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	31
4.1	Pengenalan	31
4.2	Jenis alih kod Melayu-Arab	31
	4.2.1 Inter-Ayat	31
	4.2.2 Intra-Ayat	35
4.3	Fungsi Alih Kod	43
	4.3.1 Pemetikan kata-kata	43
	4.3.2 Spesifikasi pesapa	44
	4.3.3 Interjeksi	45
	4.3.4 Pengulangan	47
	4.3.5 Kata Nama Ganti Diri	47
4.4	Kesimpulan	48
5	KESIMPULAN	49
5.1	Pengenalan	49
5.2	Rumusan	49
5.3	Cadangan Kajian Selajutnya	51
5.4	Penutup	51
	RUJUKAN	53
	LAMPIRAN	57
	BIODATA PELAJAR	68

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Drama merupakan satu cabang hiburan yang menjadi kegemaran masyarakat kini. Saidah Sakinah dan Nur Afifah (2017) menyatakan bahawa drama tidak boleh dipisahkan dengan manusia kerana melalui drama seseorang dapat melihat perlakuan manusia di kaca televisyen menerusi lakonan. Tujuan lakonan drama adalah memberi tontonan kepada masyarakat dalam menyampaikan ideologi dan maklumat dengan pantas. Justeru, penonton akan terhibur dan secara tidak langsung akan memperolehi maklumat yang disampaikan melalui drama. Drama yang dipersembahkan juga kadangkala merupakan kritikan terhadap perlakuan audiens itu sendiri.

Di samping itu, drama telah digunakan sejak awal lagi untuk menyampaikan mesej, menyebarkan maklumat dan sebagai alat pendidikan yang berkesan. Bagi rakyat Malaysia, siaran televisyen menjadi kegemaran dalam kehidupan harian. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji memilih tayangan drama 'Warkah Cinta' sebagai bahan utama kajian untuk merungkai fenomena alih kod Melayu-Arab. Di samping itu, dalam bab ini, akan diterangkan dengan lebih lanjut mengenai latar belakang, persoalan, objektif dan limitasi kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan berbilang bangsa yang melahirkan pelbagai keunikan budaya, kepercayaan dan bahasa. Bahasa merupakan medium komunikasi yang digunakan untuk berinteraksi antara satu sama lain. Selain itu, bahasa digunakan sebagai alat untuk menyampaikan buah fikiran manusia melalui pertuturan. Adakalanya, kegiatan pertuturan tersebut dilakukan dengan menggunakan lebih daripada satu kod, maka ragam pertuturan tersebut menjadi ragam yang dikenali sebagai ragam penukaran kod (Farid, et al., 1989)

Semua negara yang terdiri daripada penduduk berbilang bangsa dan kaum akan mengalami fenomena alih kod yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang melebihi daripada satu bahasa. Fenomena ini mempengaruhi kewujudan alih kod dalam komunikasi masyarakat yang merupakan sebahagian daripada ciri multilingual rakyat Malaysia kini. Pelbagai definisi yang telah dinyatakan oleh para sarjana antaranya Myers-Scotton (1993) yang menyatakan bahawa alih kod adalah penggunaan dua bahasa yang berlainan dalam sebuah perbualan. Justeru, fenomena ini merujuk kepada golongan dwibahasa yang menerangkan

bahawa alih kod berlaku dalam pelbagai aspek bahasa termasuk gaya bahasa, loghat, dan ungkapan.

Jacobson (2004: 4) menyatakan bahawa fenomena alih kod dan bahasa rojak sebagai akibat dari pertembungan dua budaya masyarakat yang berbeza. Alih kod yang dimaksudkan di sini ialah penggunaan unsur bahasa asing yang belum mengalami integrasi fonologi atau morfologi, atau yang telah dibawa masuk ke dalam bahasa penerima dalam bentuknya yang asal sekadar dianggap sebagai alih kod (Jacobson, 2004). Menurut Nik Safiah (1988), alih kod adalah fenomena yang memperlihatkan perubahan dalam penggunaan bahasa dan berlaku apabila seseorang penutur yang sedang bercakap sesuatu bahasa, tiba-tiba menukar perkataan atau frasa daripada percakapannya kepada sesuatu bahasa atau variasi bahasa yang lain atas sebab-sebab tertentu.

Di samping itu, terdapat perbezaan antara alih kod dan percampuran kod (code-mixing). Dalam fenomena percampuran kod (code-mixing), penutur mencampurkan dua atau lebih bahasa atau variasi bahasa dalam penggunaan bahasa. Di samping itu, percampuran kod (code-mixing) juga disebut sebagai bahasa rojak (Nik Safiah, 1988). Menurut Awang (2000) mendapati bahawa istilah bahasa rojak tidak wujud dan merupakan satu bentuk keracuan bahasa dalam bidang linguistik atau ilmu bahasa. Istilah ini tercipta oleh sejumlah orang yang melihat adanya fenomena bahasa yang bercampur aduk antara bahasa ibunda dan bahasa asing.

Oleh yang sedemikian, dapat dilihat bahawa gejala bahasa rojak adalah tidak sama dengan fenomena peminjaman kosa kata daripada bahasa asing (Awang, 2000). Begitu juga peminjaman kosa kata dan alih kod yang merupakan dua mekanisme yang berbeza bergantung kepada integrasi fonologi, morfologi dan sintaksis (Poplack, 1980).

Hal tersebut disebabkan oleh proses sebelum sesuatu istilah diserap masuk ke dalam sesuatu bahasa, ia perlu melalui satu proses integrasi sama ada dari segi fonologi mahupun morfologinya sehingga tidak ketara lagi ciri-ciri "asingnya". Sebagai contoh; penyerapan istilah-istilah asing ke bahasa ibunda perlu melalui proses pengubahsuaian linguistik sehingga akhirnya perkataan atau frasa itu dapat diterima sebagai sebahagian daripada khazanah bahasa Melayu (Awang Sariyan, 2000)

Unsur bahasa asing yang telah mengalami pengubahsuaian fonologi atau morfologi dalam bahasa penerima inilah yang dikategorikan sebagai kata pinjaman (serapan) (Jacobson, 2004). Perbezaan penting di sini adalah dalam penyerapan istilah-istilah asing dalam kaedah atau tatacara yang tertentu. Sebagai contoh penggunaan bahasa Arab dalam wacana Melayu atau ujaran bahasa Melayu yang bercampuraduk di antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab standard dan dialek Arab Mesir. Kekeliruan ini timbul kerana mereka

menyamakan fenomena bahasa rojak dengan penyerapan (peminjaman) kosa kata atau istilah asing kerana perbezaan yang kecil (Boztepe, 2005).

Kedatangan agama Islam ke alam Melayu sekitar abad ke-13 dan ke-14 merupakan satu langkah besar yang telah membawa pengaruh besar dalam aspek kehidupan masyarakat Melayu. Pengaruh Islam bukan sahaja telah mengubah kepercayaan agama masyarakat, malah memberikan kesan terhadap bahasa, budaya dan sastera. Jika dilihat kepada penggunaan bahasa Melayu pada masa ini, terdapat banyak perkataan Arab yang telah dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu. Hakikat ini turut diakui oleh para penyelidik yang berminat mengkaji pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu. Sebagai contoh, Abdul Hamid Ahmad dalam kamusnya, iaitu Kamus al-Hamidi telah menyenaraikan 2000 patah perkataan bahasa Arab yang telah dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu (Mustafa Daud, 1996). Pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu amat besar dan luas terutama dalam aspek kosa kata.

Tidak dinafikan kosa kata bahasa Arab telah banyak mempengaruhi perkembangan kosa kata bahasa Melayu dari dulu sehingga kini. Dengan kedatangan pedagang Arab dan ulama' Islam ke tanah Melayu seawal kurun ke-14 Masihi, bahasa Melayu dikatakan telah mula menerima pengaruh bahasa Arab (Abdel Raziq, 1996). Apatah lagi bagi masyarakat Melayu yang beragama Islam, bahasa Arab sememangnya menjadi bahasa ibadat dan bahasa keagamaan mereka.

Pada dewasa ini, kecenderungan masyarakat Melayu kepada penggunaan perkataan Arab makin bertambah. Hal ini boleh diperhatikan melalui nama program tv yang menggunakan perkataan Arab seperti; halaqah, al-kulliyah, man jadda wajada, al-hidayah, al-Marayadan lain-lain (Pabiyah Hajimaming dan Che Radiah Mezah, 2015). Malahan, puluhan juta ringgit keuntungan yang telah diperolehi produksi atas pembikinan filem dan drama pelbagai genre yang mengandungi percampuran bahasa Melayu-Arab dalam dialog tersebut antaranya filem Khurafat (2011), Munafik (2016), Munafik 2 (2018) dan sebagainya.

Drama merupakan salah satu daripada cabang seni hiburan yang sering mendapat perhatian umum. Drama ialah lakonan pula bermaksud aksi yang dicipta oleh manusia untuk berkomunikasi secara simbolik dan aksi tersebut dilakukan dihadapan penonton. Komunikasi secara simbolik pula ialah komunikasi melalui imej atau cerita imaginatif. Jadi, drama ialah sejenis karya seni yang menggunakan gerak, bahasa, pentas, kostum, bunyi dan cahaya. Dengan perkataan lain drama merupakan sebuah lakonan yang dilakukan oleh pelakunya yang tertentu.

Abu Bakar (t.th) turut menguatkan pandangan ini dengan menjelaskan seni lakon turut melibatkan drama, teater dan filem. Seni lakon menggabungkan berbagai bentuk seni. Bermula dengan seni sastera dalam penyediaan skrip berpindah kepada seni gerak, seni suara, seni lukis, seni adunan cahaya dan sebagainya. Filem pula memerlukan seni fotografi dan teknik rakaman. Oleh kerana sifatnya yang menghimpunkan berbagai bentuk seni estetika maka kesannya juga mendalam kepada penggemarnya.

1.3 Pernyataan Masalah

Bahasa merupakan alat untuk menyampaikan idea dan pemikiran seseorang. Alih kod pula berperanan sebagai satu tindak balas sesebuah komuniti bilingual bagi meneruskan suatu interaksi dalam sesuatu arena sosial. Hal ini menunjukkan bahawa sosiolinguistik membawa peranan penting dalam membentuk fenomena baru dalam masyarakat sama ada memberikan kesan negatif atau sebaliknya.

Dalam kajian ini, pengkaji meninjau beberapa permasalahan yang timbul sebelum meneruskan kajian ini antaranya kecenderungan untuk melihat kod beralih sebagai penghalang dan mengganggu persekitaran pembelajaran. Oleh itu, amalan ini dianggap sebagai tanda kekurangan linguistik. Li (2000) menyatakan bahawa walaupun pengubahsuaian kod menjadi biasa dalam ucapan dan penulisan masyarakat berbilang bahasa (selalunya dengan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua), ia biasanya disukai oleh penutur berbilang bahasa.

Selain itu, permasalahan fenomena alih kod menjadi *trend* yang berkembang pesat dan mampu mempengaruhi masyarakat sekeliling. Kemerosotan dalam aspek mutu bahasa disebabkan sebahagian masyarakat kurang sensitif terhadap ragam bahasa Melayu rasmi khususnya dalam bidang pentadbiran, penyiaran dan pendidikan (Berita Harian Online, 2017). Hamidah (2003) menyatakan bahawa penggunaan bahasa 'asing' yang adakalanya menjadi ikutan remaja. Unsur-unsur sebegini sudah pasti ianya mampu menarik minat dan mempengaruhi minda malah perilaku audien khususnya golongan remaja. Jika dilihat dalam karya hiburan, terlalu banyak filem yang telah ditayangkan yang mengandungi bahasa pasar dan kesat dalam pengalihan dari satu bahasa ke bahasa yang lain. yang seperti filem KL Gangster (2013), Taikun (2016), dan sebagainya.

Tambahan pula, pengkaji melihat bahawa permasalahan dalam pemilihan bahasa Melayu dan Arab dalam kajian ini tidak asing lagi kerana sarjana lalu iaitu Patterson (1924) menyatakan bahawa Bahasa Arab adalah bahasa kedua yang terbesar bilangannya dimasukkan ke dalam Bahasa Melayu selepas Bahasa Sanskrit. Ini menunjukkan bahawa fenomena linguistik telah tercetus dan berkembang pesat sehingga hari ini. Hassan Ahmad (2009), dalam artikelnya menyatakan bahawa kecelaruan penggunaan bahasa Melayu dan

bahasa-bahasa lain memberi kesan terhadap keaslian bahasa yang menular dalam kalangan masyarakat serta bertambah merebak dan serius.

Di samping itu, permasalahan alih kod tidak dikaji dari sudut konteks bahasa Melayu- Arab. Kajian lalu yang berkaitan dunia hiburan telah banyak dilakukan oleh para sarjana antaranya; Asiah Sarji (2003) Jamaluddin Aziz (2011) yang hanya menghadkan kajian terhadap mutu watak dan nilai-nilai murni. Namun begitu, masih kurang penyelidikan terhadap aspek sosiolinguistik dalam filem dan drama terutama dalam merungkai fenomena alih kod. Hal sedemikian ini mengetengahkan peranan drama yang merupakan genre filem yang ianya digunakan sebagai alat untuk menyebarkan idea-idea, nilai-nilai, simbol, konsep mengenai sesuatu perkara untuk mengesahkan order sosial yang sedia ada (Juliana Abdul Wahab dan Mahyuddin Ahmad, 2009).

Akhir sekali, pengkaji mendapati bahan kajian iaitu drama 'Warkah Cinta' tidak dikaji dari aspek bahasa. Kajian lalu yang telah dilakukan terhadap drama 'Warkah Cinta' adalah terhad kepada aspek representasi dakwah sahaja tidak kepada aspek linguistik dalam drama tersebut oleh Wawarah Saidpudin & Wan Amizah Wan Mahmud (2015) dalam 1st National Conference on Communication Research & Exhibition [2015] KUIS, 4 Mac 2015.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab soalan berikut;

- I. Apakah jenis alih kod Melayu-Arab yang terkandung dalam drama 'Warkah Cinta'?
- II. Apakah fungsi alih kod Melayu-Arab yang terkandung dalam drama 'Warkah Cinta'?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini seperti berikut:

- I. Mengenal pasti jenis alih kod Melayu-Arab dalam drama 'Warkah Cinta'.
- II. Menganalisis fungsi alih kod Melayu-Arab yang terkandung dalam drama 'Warkah Cinta'.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini berperanan sebagai satu medium bagi audiens dari pelbagai peringkat umur untuk mempelajari bahasa Arab melalui drama televisyen. Secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran komunikasi terutama dalam kemahiran mendengar. Abd Rauf (2005) mendapati bahawa penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tempatan dapat ditingkatkan dengan melayari laman web Arab seperti berita, video dan sebagainya. Dengan menonton filem mahu pun drama, kaedah pembelajaran akan menjadi lebih menarik dan menyeronokkan.

Di samping itu, kajian ini membantu dalam penerokaan fenomena sosiolinguistik yang lebih dalam terutama dalam konteks alih kod agar bidang bahasa Arab setanding kajian yang telah dilakukan terhadap bahasa-bahasa lain sepertimana yang telah dilakukan oleh sarjana yang lalu antaranya; Noor Azlina (1979) Alih Kod Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris, Paramasivam (2009) Alih Kod Bahasa Melayu-Bahasa Tamil, Hazlina (2012) alih kod bahasa Melayu-bahasa Perancis dan lain-lain.

Tuntasnya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kajian ini dapat membantu pengkaji yang lain untuk menerokai ilmu sosiolinguistik serta dapat menyumbang ke arah memahami fenomena alih kod di Malaysia, khusus dalam konteks Melayu – Arab.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini hanya mengkaji alih kod Melayu-Arab sahaja, manakala percampuran bahasa asing lain tidak termasuk seperti bahasa Inggeris mahupun bahasa Cina dan lain-lain. Drama yang dipilih adalah terbitan Alkahfi Pictures yang telah menyiarkan drama 'Warkah Cinta' bermula pada 20 November 2012 sehingga Februari 2013 di saluran TV Al-Hijrah. Drama tersebut merupakan arahan Mior Hashim Manap sebanyak 12 episod yang bersiaran pada setiap hari Selasa hingga Khamis pada jam 8.30 malam. Drama tersebut berdurasi selama 50minit bagi setiap episod. Bagi ulangan tayang dapat ditonton melalui laman sesawang <https://alhijrahmedia.com>.

Bagi memudahkan analisis data dijalankan, dialog drama tersebut telah di transkrip dalam bentuk bertulis. Bagi pemilihan perkataan diperiksa melalui Kamus Dewan Bahasa bagi mengelakkan kekeliruan perkataan tulen Bahasa Arab atau Kata Pinjaman Arab. Justeru, perkataan tulen Arab akan di transkrip berdasarkan Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi (2008). Data yang diperolehi adalah tertumpu dialog yang mengandungi alih kod Melayu-Arab dalam drama 'Warkah Cinta'. Pengkaji hanya menggunakan Teori

Poplack (1980) dalam mengenal pasti objektif pertama. Di samping itu, Teori Gumprez (1982) digunakan dalam menganalisis objektif kedua dalam kajian ini.

1.8 Definisi Operasional

Kod

Menurut Asmah (1982) kod yang dimaksudkan adalah terdiri daripada bahasa, dialek atau stail. Stockwell (2002: 8-9) pula, kod adalah "simbol nasionalisme yang digunakan oleh orang untuk bercakap atau berkomunikasi secara khusus iaitu bahasa, atau dialek, atau mendaftar, atau aksen, atau gaya pada masa berlainan dan untuk tujuan yang berbeza.

Alih kod

Grosjean (1982) dan Heller (1988) berpendapat bahawa alih kod bukan hanya berlaku dalam dua bahasa sahaja, malah ianya boleh melebihi daripada dua bahasa. Manakala Valdes-Fallis (1978:3) mendefinisikan alih kod sebagai penggunaan dua bahasa secara bersilih ganti yang melibatkan tahap perkataan, frasa, klausa, dan ayat. Alih kod sebagai penggunaan secara silih berganti antara dua atau lebih kod bahasa atau dialek dalam sesuatu perbualan.

Drama

Secara umum, drama adalah sebuah karya yang dipentaskan di atas panggung oleh pelakon. Menurut Elizabeth Lutters (2004) drama merupakan sebuah genre sastra yang melibatkan dialog atau percakapan yang menggambarkan atau mengilustrasikan kehidupan yang penuh konflik dengan melalui dialog. Di dalam sebuah drama terdapat unsur intrinsik, iaitu unsur yang membangunkan sebuah karya sastra.

Di samping itu, drama terbahagi kepada beberapa jenis iaitu tragedi, komedi, tragekomedi, opera, melodrama, farce, tablo. Selain itu cara pementasannya dibahagikan kepada enam iaitu melalui drama panggung, drama radio, drama televisyen, drama filem, drama wayang dan drama boneka.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini merupakan pengenalan bagi kajian alih kod Melayu-Arab dalam drama 'Warkah Cinta'. Pengkaji telah mengariskan objektif kajian sebagai garis panduan kajian ini dilakukan. Persoalan dan objektif berikut adalah lanjutan daripada pernyataan masalah bagi kajian ini. Seterusnya, kajian ini akan dilanjutkan kepada sorotan literatur untuk penerangan lebih lanjut.

RUJUKAN

- Abd Rauf Dato' Haji Hassan Azhari. (2005). Peranan Media Internet Arab dalam Meningkatkan Kemahiran Mendengar dan Membaca di Kalangan Pelajar Melayu : Suatu Tinjauan. *Pertanika Journal of Social Sciences & ...*, 13(1), 83–92.
- Abdel Raziq Hassan Muhammed. "Al –Alfaz Almaliziyyah Al-Muqtaradhah Min Al-Lughah Al-Arabiyyah Wa Kayfiyyah Al-Istifadah Minha Fi Barnamij Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah Fi Maliziya" Dlm. Kertas Kerja Seminar Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia. Anjuran UIA Pada 25-28 Ogos 1990.
- Al-Hourani, A. & Afizah, T. N. (2013). Code switching in daily conversation. *International Journal of Social Science and Humanities Research (IJSSHR)*, 1(1), 40 - 43.
- Al-Masaeed. Khaled (2013). Functions of Arabic-English Code Switching: Sociolinguistic Insight from A Study Abroad Program. Phd. University of Arizona.
- Asiah Sarji. (2003). Perfileman Dan Kesannya Terhadap Masyarakat: Ke Arah Pengekalan Dan Penyuburan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 19: 1-21
- Asmah Hj. Omar (1982) Language and Society in Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2000). Warna Dan Suasana - Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka .
- Badrul Hisham Ahmad & Kamaruzaman Jusoff (2009). Teachers' Code Switching in Classroom Instruction For Low English Proficiency Learners. *English Language Teaching*, (2) 2, 49-55.
- Bahasa Melayu Bahasa Dunia, Sejarah Singkat, James T. Collin. 2005. Edisi pertama, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boztepe, E. (2005). Issues in Code-switching: Competing Theories and Models. ... *College, Columbia University Working Papers in ...*, 2001(1), 1–27. <https://doi.org/10.7916/D8ZP4JMT>
- Eldin, A. A. T. S. (2014). Socio Linguistic Study of Code Switching of the Arabic Language Speakers on Social Networking. *International Journal of English Linguistics*, 4(6). <https://doi.org/10.5539/ijel.v4n6p78>

- Faiz Awae (2015) Fungsi Alih Kod dalam Komunikasi Masyarakat Melayu Patani Vol 14, No 1 (2015): Jun. Jurnal Melayu
- Farid M. Osman, Ajud Che Kob, Ramli Salleh (1989) *Alih kod dan Refleksi Sosial dalam Masyarakat Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah Haji Awang Chuchu, (2001) *Codeswitching in The Bruneian Classroom: A Linguistic And Sociolinguistic Perspective*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Grosjean, F. (1982). *Life With Two Languages. An Introduction To Bilingualism*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- Gumpe, J.J. 1982. *Discourse Strategies*. Cambridge: Cambridge University Press. Halmari, H. 1977: *Government And Code Switching: Explaining American Finnish*. Amsterdam Philadelphia: Benjamins.
- Gump, J.J (1982) *Discourse Strategies*. Cambridge: Cambridge Press.
- Halim, N. S., & Maros, M. (2014). The Functions of Code-Switching in Facebook Interactions. *Procedia - Social And Behavioral Sciences*, 118, 126–133.
- Halmari, H. 1977: *Government and Code Switching: Explaining American Finnish*. Amsterdam Philadelphia: Benjamins.
- Hamidah Yamat, N Maarof, K Osman, M Yunus (2003) ,Keupayaan Penguasaan Kemahiran Bahasa Inggeris di Kalangan Pelajar Melayu dalam Arus Globalisasi Dlm. Prosiding Seminar Kebangsaan Arus Perdana 11, 226-266.
- Hassan Ahmad. (2009). *Bahasa Melayu Sebagai Alat Pembinaan Jati Diri Negara Bangsa Malaysia*. Prosiding Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-V, hal. 488-498.
- Hazlina Abdul Halim (2012). "Pengaruh Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam Strategi Alih kod Bahasa Perancis". *Journal of Language Studies*. 12:12, 693-709.
- Heller, M. (1988). *Code Switching: Antropoligical And Sociological Perspectives*. Berlin.
- Hoffmann, C. (2014). *An Introduction To Bilingualism*. New York, NY:Routledge.
- Jacobson, R. (2004). *The Broadening Spectrum of a Malaysian Experience: From Informal Codemixing to Formal Codeswitching*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jamaluddin Aziz. (2011). *Pelakon Tambahan Dan Mutu Filem. Sinema Malaysia*. 1: 19-21.
- Jariah Mohd Jan. (2003). *Code switching for power wielding: Inter-gender discourse at the workplace*. *Multilingual*, (22) 1, 41-57.
- Jdetawy, L. F. A. (2011). *Arabic-English Code-Switching Among Arab Students at UUM, Malaysia*. *Language in India*, 11(5), 102-117.
- Juliana Abdul Wahab & Mahyuddin Ahmad. (2009). *Filem Box Office dan Ideologi: Satu Kajian Terhadap Filem-Filem Terpilih di Malaysia*. *Wacana Seni*. 8: 43-68.
- Karim, Nik Safiah. 1981. *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Li, W. (2000). *Dimensions of bilingualism*. In Li Wei (Ed.). *The bilingualism reader*. New York: Routledge.
- Martin-Jones, M. (2000). *Bilingual classroom interaction: A review of recent research*. *Language Teaching*, (33) 1.1-9.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, (2015) *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 3 (3). pp. 49-57. ISSN 2289-1706.
- Mohd Alwee Yusoff. (2006). *Perkataan Arab Dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Dari Aspek Semantik*. *Jurnal Usuluddin*. Bil 23-24, 239-254.
- Myers- Scotton, C. & William, U. 1977. *Bilingual Strategies: Functions of Code-Switching*. Dlm. Fishman, J.A. (Pnyt.) *International Journal Of The Sociology Of Language*. Vol.13. The Hague, Paris, New York: Mouton Publishers, 5-20.
- Myers-Scotton, C. (1993) *Duelling Languages. Gramatical Structure In Code Switching*. Oxford: Oxford University Press.
- Noor Aida Mahmor & Faizah Ahmad & Nasariah Mansor (2016) *Kerancuan Bahasa: Cabaran dalam Pendidikan Negara Dan Pembinaan*.
- Noor Azlina Abdullah (1979). *Some observations on Code-Switching among Malay- Bilingualism with Special Reference to Southeast Asian Contexts*. Singapore: SEAMEO RELC.
- Nor Hashimah (2013) *Manglish Dalam Konstruksi Kreatif Pelajar Luar Bandar: Isu dan Cabaran*. Linguistik dan Literasi Bahasa Inggeris. Bangi. Penerbit UKM.

- Pabiyah Hajimaming & Che Radiah Mezah. (2011). *Penggunaan Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu Dan Implikasinya Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Jurnal Linguistik, Jil.13, 1-16.
- Paramasivam, M. (2005) *Codeswitching among University Putra Malaysia Tamil Students: A Sociolinguistic Perspective*. Tesis Phd. Universiti Malaya.
- Poplack, S. (1980). The notion of the plural in Puerto Rican Spanish: Competing constraints on (s) deletion. In William Labov (Ed.), *Locating language in time and space* (pp. 55–66). Academic Press.
- Rabab'ah, G. A., Rabab'ah, B. B., & Suleiman, N. A. (2016). *Instant messaging language in Jordanian female school students' writing*. Teaching English with Technology, 16(2), 116–142.
- Saidah Sakinah Amferim & Nur Afifah Vanitha Abdullah (2017) Aspek Moral Dalam Drama Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu Karya Hatta Azad Khan GEOGRAFIA Onlinetm Malaysia Journal Of Society And Space 13 Issue 3 (86-96) © 2017, ISSN 2180-2491 <https://doi.org/10.17576/geo-2017-1303-09>
- Valdes-Fallis, (1978) *Code Switching And The Classroom Teaching*. Arlington, VA: Center For Applied Linguistic.
- Wawarah Saidpudin & Wan Amizah Wan Mahmud (2015) International Conference On Postgraduate Research 2014 (ICPR 2014) Proceeding Of International Conference On Postgraduate Research (ICPR 2014) (E-ISBN 978- 983-3048-98-4). 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA. Page 292.
- Winford, D. 2003. *An Introduction To Contact Linguistics*. Malden, Mass: Blackwell.
- Yunisrina Qismullah Yusuf, Ika Apriani Fata dan Chyntia (2018) *Types of Indonesi-English code-switching employed in a novel*. *Kasetsart Journal of Social Sciences*. <https://doi.org/10.1016/j.kjss.2018.02.004>